



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

18 Disember 2015 / 06 Rabiulawal 1437

**Mengenang Nabi s.a.w. – Menghayati Erti Kasih Sayang
dan Rahmah**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، الَّذِي بَعَثَ مُحَمَّدًا بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، صَلَاةً
وَسَلَامًا دَائِمِينَ مُتَلَازِمِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،
إِتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْ وَنَفْسِي وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersatu hati untuk meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita kemantapan iman, Amin.

Saudara-saudara yang saya kasihi,

Di antara sifat dan pekerti mulia seorang hamba Allah s.w.t. kepada Allah, adalah syukur. Bersyukur ke hadratNya di atas segala nikmat kurniaanNya. Tidak dapat dinafikan di antara

nikmat yang terbesar yang Allah anugerahkan kepada kita adalah kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. Kelahiran Baginda membawa cahaya keimanan dan harapan kepada dunia, di tengah-tengah kerosakan sosial, keruntuhan akhlak, kezaliman dan penindasan.

Saudara sekalian,

Melalui Nabi Muhammad s.a.w., kita dapat mengenali siapa Tuhan Maha Pencipta dan keagunganNya. Dengan kehadiran beliaulah, kita dapat menerima pesanan ilahi yang diabadikan di dalam kitab suci Al-Quran. Melalui santunan dan budi pekertinya, kita mengenali kemuliaan akhlak. Bahkan, kehadiran Nabi s.a.w. serta ketabahannya telah memartabatkan umat manusia seluruhnya. Bagaimana tidak saudara, ketika seorang hamba dianggap hanya sebagai barang dagangan, Nabi s.a.w. mengajar manusia bahawa perhambaan hanyalah milik Allah s.w.t. Lebih dari itu, Nabi s.a.w. menganugerahkan kemuliaan kepada seorang bekas hamba yang bernama Bilal bin Abi Rabah r.a. untuk melaungkan azan pertama menyeru manusia kepada Allah Tuhan sekalian alam.

Subhanallah! Sesungguhnya kita amat bersyukur di atas nikmat kurniaan Allah ini. Kita bersyukur kerana Allah s.w.t. menjadikan kita di antara umat NabiNya yang tercinta. Nabi yang sentiasa memikirkan keadaan serta kebajikan

pengikutnya serta mendoakan kesejahteraan mereka. Allah s.w.t. berfirman di dalam surah At-Taubah ayat 128:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا
عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ
رَّحِيمٌ ۝۱۲۸

Yang bermaksud: *“Telah datang kepadamu seorang Utusan [Allah] daripada kalanganmu, beliau sangat terkesan dengan sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, beliau sangat menginginkan kebaikan bagi kamu, dan beliau penuh perasaan belas serta kasih sayang kepada mereka yang beriman.”*

Kasih sayang Nabi Muhammad s.a.w. kepada umatnya mencapai tahap yang luar biasa. Seinggakan beliau khuwatir sekiranya umatnya berlebih-lebihan dalam melaksanakan amal ibadah, kerana walaupun mendekatkan diri kepada Allah merupakan suatu hal yang terpuji, ditakuti mereka akan kehilangan keseimbangan dalam hidup. Saidatina Aisyah r.a. berkata: *“Sesungguhnya Rasulullah meninggalkan suatu amalan yang beliau suka untuk melakukannya sendiri, kerana khuwatir akan dilakukan oleh orang-orang (lain) sehingga diwajibkan ke atas mereka. [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim]*

Seringkali kita mendengar Nabi s.a.w. mengungkapkan kata-kata:

لَوْلَا أَنِ اشْتُقَّ عَلَيَّ أُمَّتِي

Yang bermaksud: *“Seandainya aku tidak memberatkan umatku...”*

Sebagai contoh, beliau mengelakkan dari menjadikan bersiwak wajib bagi setiap wudhu dan solat. Beliau juga tidak mengakhirkan solat Isya' sampai ke pertengahan malam, kerana tidak ingin menyusahkan orang ramai. Begitu juga beliau menolak untuk keluar melaksanakan solat tarawih berjemaah di bulan Ramadan, kerana khuwatir ibadah itu akan diwajibkan ke atas umat Islam.

Saudaraku yang dikasihi,

Kasih sayang yang dipaparkan Nabi Muhammad s.a.w. bukan sahaja merupakan kasih sayang zahiriyah semata-mata. Bahkan ia adalah kasih sayang yang mengalir ke dalam jiwa, dan tidak terbatas dengan ukuran materi dan kebendaan.

Dengarlah contoh yang diberikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. di dalam menggalakkan sedekah di kalangan kaum muslimin. Ianya merangkumi pelbagai aspek dan tidak terbatas dengan materi dan kewangan semata-mata. Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

تَبَسُّمُكَ فِي وَجْهِ أَخِيكَ لَكَ صَدَقَةٌ، وَأَمْرُكَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهْيُكَ عَنِ الْمُنْكَرِ صَدَقَةٌ، وَإِرْشَادُكَ الرَّجُلَ فِي أَرْضِ الضَّلَالِ لَكَ صَدَقَةٌ، وَبَصْرُكَ لِلرَّجُلِ الرَّدِيِّءِ الْبَصْرَ لَكَ صَدَقَةٌ، وَإِمَاطَتُكَ الْحَجَرَ وَالشُّوْكَةَ وَالْعِظْمَ عَنِ الطَّرِيقِ لَكَ صَدَقَةٌ، وَإِفْرَاغُكَ مِنْ دَلْوِكَ فِي دَلْوِ أَخِيكَ لَكَ صَدَقَةٌ.

Yang bermaksud: “Senyumanmu kepada saudaramu adalah sedekah, perintahmu untuk hal yang baik dan laranganmu daripada hal yang mungkar adalah sedekah, petunjukmu kepada seorang yang tersesat adalah sedekah, perhatianmu kepada seorang yang buruk adalah sedekah, usahamu untuk mengeluarkan batu dan duri dari jalan adalah sedekah, engkau tuangkan air dari bekas airmu ke dalam bekas saudaramu adalah sedekah.” [Hadith riwayat At-Tirmizi]

Alangkah indahnya petunjuk ini. Alangkah besarnya makna kasih sayang yang terkandung padanya. Nabi Muhammad s.a.w. ingin agar kasih sayang itu tersebar di kalangan manusia sehingga tidak ditemukan lagi orang yang kekurangan serta yang memerlukan di antara mereka.

Bahkan kasih sayang dan kebaikan yang seharusnya kita sebarkan itu bukan sahaja terhadap setiap insan, bahkan setiap makhluk, binatang dan segala ciptaan Tuhan. Nabi bersabda yang bermaksud: “Tidaklah seorang muslim menanam tanaman kecuali apa yang dimakan darinya menjadi sedekah baginya, apa yang dicuri menjadi sedekah, apa yang dimakan binatang

liar menjadi sedekah, apa yang dimakan burung menjadi sedekah dan tidaklah ia dirugikan oleh orang lain kecuali itu menjadi sedekah baginya.” [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim]

Saksikanlah wahai umat Nabi Muhammad s.a.w. akan kasih sayang yang Junjungan Tercinta! Hayatilah dengan sebaik-baiknya ajaran Nabi Muhammad s.a.w. Pastinya akan lahir lebih ramai dermawan-dermawan, pencinta-pencinta alam sekitar, dan insan-insan yang hidupnya bersinar dengan cahaya rahmah dan keihsanan.

Saudaraku,

Seharusnya kita yang mengaku umat nabi Muhammad s.a.w. perlu menghidupkan kebaikan serta menyebarkan kasih sayang seperti yang diajarkan Baginda. Kita juga perlu melengkapkan pemahaman hukum agama dengan adab beragama. Ini agar amalan keagamaan kita mudah dihargai mereka disekeliling kita.

Maka saudaraku, seandainya cinta kita kepada Nabi Muhammad s.a.w. adalah benar dan ikhlas, maka ia akan terpancar melalui perbuatan dan peribadi kita. Lihat sahaja kehidupan para sahabat r.a., mereka telah mengorbankan jiwa, raga bahkan harta untuk Allah dan RasulNya. Namun ini tidak samasekali menimbulkan rasa sombong dan bangga diri. Sebaliknya, mereka sentiasa merendahkan diri dan berusaha

untuk terus menambahkan amalan dan mengharap ganjaran Tuhan sahaja.

Oleh itu janganlah kita menjadi orang yang mengaku cintakan Nabi Muhammad s.a.w. tetapi tidak menjaga hubungan sesama insan. Janganlah kita mengaku menegakkan sunnah Rasulullah s.a.w. tetapi senang menyakiti orang lain dengan perkataan mahupun tindak-tanduk.

Pastikanlah saudara, seandainya benar kasih kita kepada Rasulullah s.a.w., setiap manusia, bahkan makhluk Allah di sekeliling kita akan merasakan kesantunan, layanan mulia, dan mendapat manfaat daripada kewujudan kita bersama mereka. Pelajarilah dari ulama kita yang menzahirkan cinta mereka melalui amalan dan adab. Ulama kita melahirkan kasih mereka kepada Rasulullah s.a.w. dengan berusaha gigih menghimpun, menghafal dan kemudian menerangkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Cinta mereka tidak terhad hanya pada kekata dan pakaian zahir. Cinta kepada Nabi Muhammad s.a.w. terikat kepada slogan menegakkan Al-Quran dan Sunnah. Tetapi cinta tersebut didasari penguasaan ilmu yang mendalam, mempraktikkan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. dalam pelbagai sudut kehidupan keluarga dan masyarakat, serta menyentuh kehidupan insan lain.

Semoga Allah menjadikan kita umat yang memahami maksud kasih sayang dan rahmah, serta menyebarkannya kepada keseluruhan makhluk. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.